KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM 11.1.2022_3

Gajah masuk kebun ditangkap

Kota Bharu: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan menangkap seekor gajah jantan di kawasan kebun di Kampung Salor, Jeli, Jumaat lalu.

Operasi tangkapan itu dilakukan jam 5 petang oleh Unit Tangkapan Gajah (UTG) susulan aduan penduduk sejak Ogos lalu berhubung gangguan gajah liar di beberapa kampung.

Perhilitan menerusi kenyataan, semalam memaklumkan gajah yang ditangkap itu mempunyai tapak kaki hadapan berukuran 2.54 sentimeter.

> **"Lebih 30 ekor dan dipercayai keluar dari Hutan Simpan Kekal**
> *Perhilitan*

"Gajah ini adalah daripada kumpulan gajah Gunung Basor dengan anggaran populasi lebih 30 ekor dan dipercayai keluar dari Hutan Simpan Kekal (HSK) Gunung Basor untuk mencari sumber makanan.

"Perhilitan mengambil tindakan seperti memberi khidmat nasihat kepada penduduk setempat, pemantauan dan kawalan di kawasan konflik selain menggunakan kaedah tembak halau bagi memastikan gajah liar berkenaan kembali semula ke hutan simpan berhampiran.

"Operasi tangkap pindah ini adalah langkah susulan bagi mengelakkan kerugian berterusan kepada penduduk setempat dan memastikan keselamatan gajah liar dari diancam pemburuan haram," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan operasi pindah gajah itu dirancang hari ini dan akan dilepaskan ke habitat semula jadi di Taman Negara dengan kerjasama Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang Pahang.

Katanya, penduduk kampung dinasihatkan sentiasa membersihkan kawasan tanaman dan kebun supaya tidak dibiarkan bersemak sebagai langkah untuk mengurangkan risiko konflik hidupan liar di kawasan berkenaan.

"Perhilitan ingin menjelaskan bahawa operasi tangkap pindah gajah bukan penyelesaian jangka panjang terutamanya di kawasan kebun atau ladang yang berhampiran dengan kawasan hutan simpan.

"Langkah mitigasi lebih efektif seperti sistem pagar elektrik gajah (SPEG) adalah salah satu kaedah paling berkesan untuk menghalang gajah liar memasuki kawasan tanaman," katanya.



PERHILITAN Kelantan menangkap seekor gajah liar jantan di kawasan kebun di Kampung Salor, Jeli, Jumaat lalu.